

Baca petikan dengan teliti. Kemudian, senaraikan **kata ganda penuh** yang terdapat dalam petikan di bawah.

Ahmad, Nisa dan Mei Ying pergi ke taman permainan. Banyak ibu bapa membawa anak-anak ke taman permainan tersebut kerana taman itu sangat cantik dan bersih. Nisa dan Mei Ying bermain jongkang-jongkek. Ahmad bermain papan gelongsor. Terdapat dua orang kanak-kanak perempuan sedang bermain layang-layang di situ.

Pemandangan di taman permainan itu sangat cantik. Bunga-bunga yang ada di situ sangat wangi dan harum. Rama-rama berterbangan di atas bunga. Burung-burung terbang di atas langit. Di taman permainan itu, terdapat sebuah kolam yang besar dan bersih. Ahmad melihat ikan-ikan berenang di dalam kolam. Ahmad dan kawan-kawan berasa sangat gembira.